

D189

U B480 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 JUN (BERNAMA) -- ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN) BERTANGGUNGJAWAB MERAHSIAKAN SEGALA MAKLUMAT DAN BAHAN-BAHAN PERUNDINGAN SERTA TIDAK MENGUMUMKANNYA KEPADA PIHAK LAIN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

SEMUA URUSAN PERBINCANGAN MAPEN ADALAH TERTUTUP UNTUK MEMBERI KEBEBASAN SEPENUHNYA KEPADA MAJLIS BERKENAAN BERBINCANG DENGAN FIKIRAN TERBUKA DAN DARI HATI KE HATI, KATANYA SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ASAL ENCIK AHMAD OMAR (BN-PAGOH).

BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA MAPEN BAHAWA PERATURAN ITU TELAH DIPERSETUJUI DAN DINYATAKAN DALAM URUSAN PERSIDANGAN MAJLIS.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN DALAM MANA-MANA URUSAN PERBINCANGAN MAPEN UNTUK MEMBERI KEBEBASAN KEPADA MAJLIS ITU MENYIAPKAN URUSAN DAN TANGGUNGJAWABNYA. TERSERAHLAH KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS UNTUK MENUNAIKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA.

KATA BELIAU MAKLUMAT YANG DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA MAPEN ADALAH SETAKAT YANG BOLEH DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN SAHAJA DAN PARA ANGGOTA TIDAK HARUS MENGAMBIL SIKAP BAHAWA HANYA KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGELUARKAN DATA DAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN URUSAN MAJLIS. -- LAGI.

1619MST 20 06 89

U B481 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJUNG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KERAJAAN SEDIA MEMBERI MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN, TIDAK KESEMUA MAKLUMAT BOLEH DIBERI TERMASUK YANG SENSITIF KERANA KHUATIR IA AKAN MENIMBULKAN MASALAH YANG TIDAK DIINGINI.

KATANYA, TERPULANG KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA MAPEN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MENYOKONG PENDAPAT MEREKA DAN TERSERAHLAH PULA KEPADA MAJLIS ITU UNTUK MENERIMA ATAU PUN TIDAK.

MENGENAI PENGUNAAN BAHASA SELAIN DARIPADA BAHASA MALAYSIA DALAM SEMUA URUSAN PERJALANAN MESYUARAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHASA RASMI MAJLIS ITU IALAH BAHASA MALAYSIA.

+NEGARA SUDAH MERDEKA SEJAK LEBIH 30 TAHUN DAN BAHASA MALAYSIA SEPATUTNYA BOLEH DIKUASAI OLEH KESEMUA RAKYAT NEGARA INI,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA MUNGKIN SEBAHAGIAN DARIPADA ANGGOTA MAJLIS ITU PULA TIDAK FAHAM SEKIRANYA BAHASA-BAHASA LAIN DIGUNAKAN SELAIN DARIPADA BAHASA KEBANGSAAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BIDANG KUASA MAPEN IALAH MENKAJI PERLAKSANAAN DAN MASA DEPAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) SERTA MENGEMUKAKAN CADANGAN DASAR EKONOMI SELEPAS 1990.

MAPEN DIBERI JANGKA MASA SATU TAHUN UNTUK MENYIAPKAN URUSANNYA SERTA MENGEMUKAKAN LAPORAN KEPADA KERAJAAN UNTUK PERTIMBANGAN DAN TINDAKAN SELANJUTNYA. -- LAGI.

1621MST 20 06 89

D191

U B482 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SETAKAT INI MAJLIS ITU MASIH PADA TAHAP PERTAMA IAITU MENKAJI ASPEK-ASPEK DEB DAN BELUM TIMBUL SEBARANG HALANGAN ATAU MASALAH YANG BOLEH MENGGANGGU URUSAN MESYUARAT.

MAPEN SUDAH MENGADAKAN LIMA SIDANG PLENO DAN MENUBUHKAN LIMA BUAH JAWATANKUASA MENGENAI PELBAGAI ASPEK TERMASUK DARIPADA SEGI PRESTASI PELAKSANAAN DEB DAN ASPEK PEMBASMIAN KEMISKINAN SERTA PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT, KATANYA. -- BERNAMA.

1622MST 20 06 89